

JARDIN CETRIDIN 2 CETRIMIDE 2% W/V LOTION

Cetrimide 2% w/v

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah kegunaan Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion.
2. Bagaimanakah Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion.
4. Cara penggunaan Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion.
5. Semasa menggunakan Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion.
8. Maklumat Produk.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion.

Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion digunakan sebagai antiseptic dan disinfektan kulit untuk luka dan gigitan serangga.

Bagaimana Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion berfungsi

Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion mengandungi antiseptic yang membantu untuk menghalang jangkitan dan membantu penyembuhan.

Sebelum menggunakan Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion

- Bila tidak boleh menggunakan
 - Jika anda alah kepada bahan-bahan dalam ubat ini.
 - Jika kulit anda berair atau radang.

- Sebelum mula menggunakan
Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan ubat ini jika anda mengandungi atau menyusukan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mengambil atau menggunakan sebarang ubat-ubatan lain.

Cara penggunaan Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion

- Berapa banyak harus digunakan
Sapukan pada bahagian kulit yang terjejas atau seperti yang diperlukan atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Bila perlu digunakan
Rawatan perlu bermula seawal yang mungkin selepas permulaan jangkitan.
- Berapa lama perlu digunakan
Doktor anda akan memberitahu anda berapa lama anda akan perlu menggunakan losyen ini.
- Jika terlupa menggunakan
Jika anda terlepas satu dos, sapu sebaik sahaja anda mengingatnya. Jika ia adalah hampir dengan masa dos yang seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan sambung semula jadual dos biasa anda. Jangan mengandakan dos.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terlebih menggunakan ubat ini dengan tidak sengaja, dapatkan nasihat daripada doktor anda dengan segera.

Semasa menggunakan Jardin Cetridin 2 Cetrimide 2% w/v Lotion

- Perkara yang perlu dilakukan
 - Pastikan anda membasuh tangan sebelum dan selepas menggunakan losyen ini.
 - Sila beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami alahan.
 - Dapatkan nasihat perubatan dengan segera sekiranya masalah berpanjangan.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
 - Elakkan dari terkena mata, otak, meninges dan telinga tengah.
 - Tidak boleh digunakan dalam rongga badan (cth: mulut, telinga).
 - Jangan berkongsi ubat dengan orang lain.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
Tidak digunakan untuk jangka masa yang lama.

Kesan-kesan sampingan

Hipersensitif kepada cetrimide selepas penggunaan berulang. Sekiranya terdapat sebarang kesan sampingan yang serius, atau jika anda menyedari sebarang kesan yang tidak tersenarai di dalam

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Cetridin 2 Cetrимide 2% w/v Lotion

- Penyimpanan
 - Simpan di bawah 30 ° C..
 - Lindungi dari cahaya, haba dan kelembapan

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi anda tentang bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat produk

- Rupa dan warna produk

Larutan jernih dan tidak berwarna.
- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif: Cetrимide
 - Bahan tidak aktif: Purified Water.
- Nombor MAL

MALXXXXXXXXXX

Pengilang Dan Pemegang Pendaftaran Produk

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,
No. 12, Jalan Delta U6/19,
Sunway Subang Business Park,
Jalan TUDM, 40150 Shah Alam,
Selangor.

Pengilang

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,
Lot 1, 2, 3 & 4,
Kawasan Industri Batu 7,
23000 Dungun, Terengganu,
MALAYSIA.

Tarikh Kemaskini RiMUP

14/07/2024

Nombor siri

NPRA (R2) 24/089